

SULIT
21/1
SEJARAH
Kertas 1
Ogos 2010
1 1/4 JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PAHANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2010

SEJARAH

Tingkatan 3

Kertas 1

Satu Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
- 2. Jawab semua soalan.*
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
- 4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

1. Kedua-dua tokoh di bawah memberi maklumat tentang

- Herodotus
- Mohd Yusof Ibrahim

- A. Maksud sejarah B. Ciri-ciri sejarah
C. Sumber sejarah D. Kaedah sejarah
2. Antara berikut yang manakah merupakan kaedah pengkajian sejarah?
- I. Kaedah primer II. Kedah lisan III. Kaedah bertulis IV. Kaedah arkeologi
- A. I,II dan III B. I, II dan IV C. I,III dan IV D. II,III dan IV
3. Apakah perbezaan antara sumber lisan dengan sumber tulisan?
- A. Sumber lisan dikaitkan dengan sastera rakyat manakala sumber bertulis berdasarkan bukti.
B. Sumber lisan mengandungi unsur mitos manakala sumber tulisan mengandungi unsur lagenda.
C. Sumber lisan disampaikan melalui kaedah penceritaan manakala sumber bertulis melalui kaedah catatan.
D. Sumber lisan berkaitan keagungan tokoh manakala sumber bertulis menceritakan keagungan negara.
4. Apakah ciri-ciri persamaan bagi kedua-dua kerajaan berikut?

- Kerajaan Angkor
- Kerajaan Funan

- A. Ekonominya berasaskan pertanian B. Ekonominya berasaskan perlombongan
C. Ekonominya berasaskan perdagangan D. Ekonominya berasaskan hasil hutan
5. Kerajaan Funan memperolehi bekalan air dari
- A. Sungai Mekong B. Sungai Mas C. Tasik Tonlé Sap D. Lembah Bujang
6. Berdasarkan pernyataan di atas apakah tujuan pembinaan *baray* tersebut?

Baray ialah kolam - kolam air besar yang dibina untuk menampung 30 juta meter padu air

- A. Membekalkan air bersih B. Menternak ikan air tawar
C. Mengairi sawah padi D. Mengelakkan daripada banjir

7. Ilustrasi berikut berkaitan dengan nama Melaka




Apakah sumber yang menerangkan nama Melaka daripada senarai di atas?

- A. Sumber Arab B. Sejarah Melayu C. Mitos Hindu D. Sejarah Alam Melayu
8. Hubungan diplomatik antara Melaka dan China mula terjalin pada tahun 1404. Hubungan dua hala ini menyebabkan
- A. Melaka menjadi negeri naungan China B. Melaka dipaksa membayar upeti 40 wang emas
C. Melaka lebih maju berbanding China D. Melaka terselamat daripada ancaman
9. Pernyataan berikut berkaitan dengan pendirian pembesar Melaka

Tun Mutahir tidak layak menjawat jawatan sebagai bendahara Melaka

Mengapakah pembesar Melaka berpendapat seperti di atas?

- A. Tun Mutahir mengamalkan rasuah B. Tun Mutahir kurang cekap
C. Tun Mutahir seorang yang zalim D. Tun Mutahir mementingkan keturunan India Muslim
10. Apakah faktor yang menyebabkan Portugis terpaksa meninggalkan Melaka pada tahun 1641?
- A. Kekuatan tentera Johor B. Keruntuhan A Famosa
C. Kerjasama ketenteraan Johor dan Belanda D. Kelemahan pemerintahan Portugis
11. Peta di bawah berkaitan dengan usaha peluasan kuasa Aceh



Mengapakah kerajaan Aceh berminat untuk mendapatkan negeri Melaka?

- A. Menguasai pentadbiran Melaka B. Menguasai perdagangan di selat Melaka
C. Menjadikannya pusat pengajian Islam di Kepulauan Melayu D. Memecahkan monopoli perdagangan Islam

12. Tokoh berikut telah memberi banyak sumbangan kepada Kerajaan Johor

<i>Tun Sri Lanang</i>
• Pernah menjadi Bendahara Paduka Raja Johor

Antara berikut yang manakah merupakan sumbangan lain bagi tokoh di atas?

- | | |
|----------------------------------|----------------------------------|
| I Menghantar utusan Johor ke Goa | II Menyusun pertahanan Johor |
| III Menyusun buku Sejarah Melayu | IV Menamatkan perang Johor-Jambi |
- A. I,II dan III B. I,II dan IV C. I,III dan IV D. II,III dan IV

13. Rajah di atas menunjukkan bahawa Kedah menghadapi ancaman daripada kuasa Siam pada kurun ke-18.



Keadaan ini menyebabkan Kedah

- | | |
|--|--|
| A. Memohon perlindungan dari Aceh | B. Mendapatkan bantuan Inggeris |
| C. Meminta bantuan ketenteraan dari Belanda. | D. Menjalinkan persahabatan dengan Burma |
14. Pernyataan berikut berkaitan dengan adat

Adat ialah peraturan tidak bertulis

Apakah fungsi adat dalam masyarakat kita?

- | | |
|------------------------------|-------------------------------|
| A. Menghukum penjahat | B. Mengawal tingkah laku |
| C. Mentafsir kelakuan sultan | D. Memelihara adat resam lama |
15. Golongan etnik yang mempunyai kepercayaan seperti di atas ialah

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tidak tinggal menetap • Tidak boleh menebang pokok |
|---|

- A. Murut B. Kelabit C. Kenyah D. Penan
16. Mengapakah Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) begitu berminat untuk mengambil Pulau Pinang?

- | | |
|---|--|
| I. Kedudukan Pulau Pinang strategik | II. Pulau Pinang memenuhi keperluan SHTI |
| III. Sultan Kedah bersedia menyerahkan Pulau Pinang | IV. SHTI membantu Kedah menyelesaikan perang saudara |
- A. I dan II B. II dan III C. III dan IV D. I dan IV

17. Pernyataan berikut merujuk kepada persediaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan Kedah dan Inggeris untuk menghadapi satu peperangan.

- Sultan Kedah mendapatkan bantuan daripada Riau, Siak dan Selangor
- Francis Light mendapatkan bantuan daripada tentera British


Apakah yang menjadi punca peperangan tersebut?

- A. SHTI memungkir janji
C. Perebutan untuk menguasai Pulau Pinang
- B. Usaha mengekalkan kedaulatan Kedah
D. Perlantikan Tunku Abdullah sebagai Sultan Kedah
18. Petikan berikut merujuk kepada kata-kata yang pernah dituturkan oleh Stamford Raffles tentang salah sebuah pelabuhan di Kepulauan Melayu.

"Percayalah ini merupakan sebuah stesen di Timur yang terpenting dari segi keunggulan laut dan perdagangan".
Stamford Raffles

Berdasarkan pengetahuan anda, di manakah "stesen" yang dimaksudkan oleh Raffles?

- A. Riau
B. Melaka
C. Betawi
D. Singapura
19. Pernyataan berikut menggambarkan kedudukan Dato' Kelana di Sungai Ujong



Pada pendapat anda, mengapakah Dato' Kelana berasa sedemikian?


- A. Dato' Kelana tidak cekap
C. Dato' Bandar menentang dasar pentadbirannya
- B. Dato' Kelana bukan kerabat diraja
D. Penduduk tempatan dan pelombong Cina menyokong Dato' Bandar
20. Senarai berikut merujuk kepada negeri-negeri yang ingin dikuasai oleh pihak British.

- Perak
- Pahang
- Selangor
- Negeri Sembilan

Pada pendapat anda, mengapakah British berpendapat bahawa mereka perlu segera menguasai Negeri-negeri Melayu tersebut?

- A. Menguasai hasil bumi
C. Melabur dengan mendirikan kilang
- B. Mendapat pasaran yang besar
D. Mengelakkan daripada jatuh ke tangan Barat yang lain.

21. Rajah di bawah merujuk kepada pembesar-pembesar yang terlibat dalam Perang Klang.



Peperangan di atas dapat dikaitkan dengan

- A. Sistem pewarisan takhta
 B. Rebutan pengaruh politik
 C. Rebutan kekayaan hasil bijih timah
 D. Penentangan penjajahan British
22. Pada pendapat anda mengapakah British berminat untuk menguasai Pahang?
- A. Permintaan Sultan Pahang
 B. Ingin menguasai bijih timah
 C. Menyekat peluasan Eropah yang lain
 D. Membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu
23. Pernyataan di bawah merujuk kepada hasrat Perancis untuk membina terusan di Segenting Kra.

Perancis bercadang membina sebuah terusan di Segenting Kra

Pada pendapat anda, mengapakah rancangan Perancis seperti di atas membimbangkan British?

- A. Perdagangan Singapura terancam
 B. British mempunyai rancangan yang sama
 C. Hubungan diplomatik British-Siam terjejas
 D. Pembinaan menggalakkan kemasukan kuasa Barat yang lain.
24. Maklumat berikut merujuk kepada salah satu perjanjian yang ditandatangani antara British dan Siam pada tahun 1902.

Perisytiharan British - Siam

Apakah yang dihasilkan daripada perjanjian di atas?

- A. Sempadan Siam-Kelantan
 B. Pengenalan Hak Wilayah Asingan
 C. Penempatan Penasihat di negeri Kelantan
 D. Penyerahan konsesi tanah kepada Syarikat Duff
25. Apakah kerajaan yang berkaitan dengan sejarah awal Sarawak?
- A. Brunei B. British C. Melaka D. Tanah Melayu

26. Petikan berikut merujuk kepada pendirian orang-orang Bidayuh di Sarawak pada kurun ke-19.

“ Kita tidak boleh membiarkan keadaan ini berterusan. Marilah kita berganding bahu dengan orang-orang Melayu untuk menentang Pangeran Brunei ”

Apakah “keadaan” yang dimaksudkannya?

- A. Hilang kuasa pentadbiran
 B. Dikenakan kadar cukai yang tinggi
 C. Dipaksa membayar ufti kepada Sultan Brunei.
 D. Tidak dibayar upah untuk bekerja di lombong antimoni.
27. Pada pendapat anda, mengapakah Syarikat Overbeck dan Dent menandatangani perjanjian dengan Sultan Jamalul Alam dari Sulu pada tahun 1878?
- A. British berbaik-baik dengan Sulu
 B. British cuba menguasai kekayaan Sulu
 C. Usaha mendamaikan Sulu dengan Brunei
 D. Sulu menguasai sebahagian daripada Sabah
28. Senarai berikut merujuk kepada kawasan yang mempunyai satu persamaan dari segi aktiviti ekonomi.

• Teluk Marudu • Lahad Datu • Tawau

Tanaman yang giat diusahakan di ketiga-tiga kawasan tersebut ialah

- A. Lanut
 B. Tembakau
 C. Sarang batu
 D. Sarang burung
29. Maklumat berikut merujuk kepada tugas salah seorang pegawai dalam pentadbiran SBUB di Sabah.

<i>Pegawai X</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab menjaga keamanan • Menguruskan pembahagian tanah • Mengutip cukai • Memajukan pertanian

Pegawai yang dimaksudkan ialah

- A. Residen
 B. Ketua Jabatan
 C. Pegawai Daerah
 D. Ketua Anak Negeri
30. Senarai di bawah merujuk kepada tanaman yang diusahakan secara besar-besaran di Pulau Pinang pada awal kurun ke-19.

• Buah Pala • Bunga Cengkih

Apakah faktor yang menyebabkan tanaman tersebut diusahakan secara besar-besaran?

- A. Harga tinggi di pasaran
 B. Iklim sesuai untuk penanamannya
 C. Hasil digunakan oleh penduduk tempatan
 D. Perusahaan dijalankan oleh pedagang Eropah

31. Senarai di atas merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh pihak British dalam perusahaan getah

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Rancangan Stevenson 1922 • Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa 1934 |
|--|

Kedua-dua rancangan tersebut berkaitan dengan usaha untuk...

- A. Menstabilkan harga getah
 B. Menambah pengeluaran getah
 C. Memperkenalkan perusahaan getah
 D. Menggalakkan penglibatan penduduk peribumi dalam perusahaan getah
32. Senarai di atas merujuk kepada tokoh-tokoh yang berusaha mengembalikan kedaulatan Kedah.

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sultan Ahmad Tajuddin • Tunku Muhammad Saad | <ul style="list-style-type: none"> • Tunku Abdullah • Tok Mo Ris |
|--|--|

Apakah persamaan pada tokoh-tokoh tersebut?

- A. Mengusir British dari Kedah
 B. Menentang penjajahan Siam ke atas Kedah
 C. Mengakui ketuanan Siam ke atas negeri Kedah
 D. Dilantik oleh Raja Siam untuk memerintah Kedah
33. Pernyataan berikut merujuk kepada penentangan terhadap British di Naning.

Pada tahun 1831, Dol Said telah bangkit menentang British di Naning

Pada pendapat anda, apakah punca utama Dol Said melancarkan penentangan terhadap British?

- A. Penjajahan British
 B. Kadar cukai terlalu tinggi
 C. Sempadan yang tidak jelas
 D. Sifat kepimpinan Dol Said
34. Senarai berikut merujuk kepada kawasan-kawasan yang terdapat di negeri Pahang

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Lubuk Terua • Jeram Ampai • Kuala Tembeling |
|---|

Kawasan-kawasan tersebut berkait rapat dengan perjuangan

- A. Rentap
 B. Tok Ku Paloh
 C. Dato' Bahaman
 D. Dato' Maharaja Lela
35. Rajah berikut merujuk kepada tokoh nasionalisme di kawasan Timur Tengah.

Sayid Jamaluddin al-Afghani

Syeikh Muhammad Abduh

Apakah persamaan pada tokoh-tokoh tersebut?

- A. Mempelopori Gerakan Islah di Mesir
 B. Mencetuskan Gerakan Pan Islamisme
 C. Mengasaskan perjuangan Kaum Muda
 D. Mengasaskan empayer Turki Uthmaniyah

36. Pernyataan berikut merujuk kepada kejayaan Jepun di Tanah Melayu

- Jepun menggunakan pelbagai propaganda
- Jepun menjalankan aktiviti perisikan bagi mendapat maklumat

Langkah Jepun di atas menggambarkan

- A. Semangat tentera mendorong kejayaan
 B. Perancangan amat penting dalam peperangan
 C. Kedudukan kewangan perlu dalam merancang kejayaan
 D. Aktiviti penyusupan adalah langkah berkesan mencapai kemenangan
37. Apakah yang dapat anda simpulkan tentang pemerintahan Jepun dalam projek berikut?

Jalan Keretapi Maut

- Panjangnya 724 km dari Thailand ke India
- Melibatkan 72 ribu buruh paksa dari Tanah Melayu

- A. Kewibawaan pemerintah tempatan B. Menitikberatkan kemudahan asas
 C. Penjimatan kos bagi projek kerajaan D. Pemerintah yang penuh dengan kekejaman
38. Apakah faktor utama yang menyebabkan tentera Jepun berjaya menawan Tanah Melayu dalam masa yang singkat?

Tentera Jepun berjaya menawan seluruh Tanah Melayu dalam masa 55 hari sahaja

- A. Tentera Jepun mendapat sokongan penduduk tempatan
 B. Tentera Jepun dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih
 C. Tentera Jepun berjaya menenggelamkan dua buah kapal perang British
 D. Tentera British tidak mendapat bantuan daripada kerajaan British
39. Apakah peranan raja – raja Melayu dalam perlembagaan Malayan Union ?
- A. Ahli majlis raja – raja B. Ahli majlis undangan Malayan Union
 C. Ahli penasihat Majlis Eksekutif D. Ahli penasihat undang undang negeri
40. Rajah berikut berkaitan dengan peranan akhbar dalam menentang Malayan Union


Akhbar X

Menyeru supaya raja-raja melayu memikirkan kesannya jika Malayan union tidak ditentang

Akhbar yang dimaksudkan ialah

- A. Al-Imam B. Warta Malaya C. Utusan Melayu D. Fajar Melayu

41. Rajah di bawah berkaitan dengan Dato' Onn Ja'afar



Apakah faktor yang menyebabkan pelantikan beliau sebagai Menteri Besar Johor pada tahun 1946?

- A. Membawa sepanduk yang bertulis kata-kata patriotik menentang Malayan Union
 B. Berani menghantar surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan
 C. Berganding bahu dengan rakyat Tanah Melayu menentang Malayan Union
 D. Memulihkan keamanan di Batu Pahat semasa berlakunya pergaduhan kaum yang dahsyat

42. Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan kampung-kampung baru

• Terdapat kira-kira 400 buah kampung baru di seluruh Tanah Melayu

Mengapakah British menubuhkan kampung baru ?

- A. Membanteras kegiatan Min Yuen
 B. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 C. Melemahkan pergerakan komunis
 D. Menyusun petempatan penduduk mengikut kaum
43. Pernyataan di bawah merujuk kepada kos perbelanjaan kerajaan bagi membanteras ancaman komunis di negara kita.

Kerajaan telah membelanjakan \$721,9 juta untuk mengukuhkan sistem pertahanan sepanjang zaman darurat. Apakah kesan daripada keadaan tersebut?

- A. Negara mencapai kemerdekaan
 B. Kuasa asing mengancam negara
 C. Perpaduan antara kaum tidak tercapai
 D. Pembangunan luar bandar terbantut
44. Pertubuhan di bawah merupakan medan perbincangan pelbagai parti politik.

• Konferansi Nasional
 • Konvensi Nasional

Apakah antara isu yang dibincangkan?


- A. Pemilihan pemimpin
 B. Kepentingan penduduk Tanah Melayu
 C. Pentingnya mengadakan pilihan raya
 D. Tugas setiap pemimpin di kawasan masing-masing

45. Apakah persamaan isi laporan pelajaran di bawah berkaitan sekolah menengah?

- Laporan Barnes 1951
- Ordinan Pelajaran 1952

- A. Pendidikan menengah wajib
 B. Sukatan pelajaran yang sama
 C. Penghapusan perkataan vernakular
 D. Bahasa Inggeris sebagai pengantar


46. Rajah ini berkaitan dengan satu persidangan antarabangsa



Berdasarkan maklumat di atas, apakah hasil persidangan tersebut?

- A. Membunuh tali barut British
 B. Aktiviti keganasan diperhebatkan
 C. Mengadakan pemberontakan bersenjata
 D. Penubuhan unit gerila MRLA

47. Rajah di bawah berkaitan dengan perlembagaan merdeka dan pembentukan Parlimen



Parlimen yang dibentuk mempunyai

- I. Dewan Rakyat II. Dewan Negara III. Dewan Umum IV. Dewan Undangan
 A. I dan II B. II dan III C. III dan IV D. I dan IV

48. Maklumat berikut merujuk kepada cadangan Suruhanjaya Reid yang dipinda.

- Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan tanpa menjejaskan hak kaum yang lain
- Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan. Walaubagaimanapun bahasa Cina dan Tamil boleh dikembangkan dan menjadi bahasa pengantar di sekolah masing-masing

Mengapakah beberapa cadangan Suruhanjaya Reid asal terpaksa dipinda?

- A. Memuaskan hati semua pihak
 B. Terdapat unsur penipuan dan penyelewengan
 C. Mengelak daripada berlakunya diskriminasi kaum
 D. Tidak termaktub dalam rang undang-undang Tanah Melayu

49. Maklumat di bawah merujuk kepada rundingan yang telah dibuat untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Rundingan di London
Telah berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956

Siapakah yang mempengerusikan rundingan tersebut?

- A. Setiausaha Tanah Melayu
 B. Gabenor Tanah Melayu
 C. Menteri Tanah Jajahan
 D. Ratu England

50. Jadual di bawah adalah berkaitan dengan penubuhan RIDA

Tujuan penubuhan RIDA
X
Membaiki taraf sosial orang Melayu

Apakah X?

- A. Mengenal pasti masalah penduduk
 B. Menghapuskan pengenalan kaum mengikut kaum
 C. Memujuk orang Melayu bersetuju dengan kelonggaran kerakyatan
 D. Mewujudkan perpaduan kaum
51. Senarai di bawah merupakan tokoh yang telah berusaha untuk mencapai kemerdekaan negara

• Tun Abdul Razak	• Tun V.T. Sambathan	• Tun HS Lee
-------------------	----------------------	--------------

Apakah iktibar yang dapat kita contohi daripada perjuangan tokoh-tokoh di atas?

- I. Bijaksana menyelesaikan masalah
 II. Kegigihan dalam mencorakkan hala tuju negara
 III. Menjaga kepentingan kaum
 IV. Memartabatkan sistem pendidikan
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

52. Menurut perlembagaan di bawah, penyerahan Sarawak dibantah kerana bertentangan dengan perjanjiannya.

Perlembagaan 1941

Apakah antara perjanjian yang bertentangan dengan perlembagaan ini?

- A. Pemimpin luar tidak campur tangan dalam pentadbiran
 B. Penduduk Sarawak mendapat layanan istimewa
 C. Sekolah etnik didirikan di setiap daerah
 D. Kerajaan sendiri kepada Sarawak

53. Pekeliling di bawah dikeluarkan oleh British semasa gerakan anti penyerahan di Sarawak pada peringkat awal.

Pekeliling No 9

Notis di atas bertujuan

- A. Memberhentikan pengajian pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak
 B. Memberi rasuah kepada pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak
 C. Memberi amaran kepada kakitangan kerajaan
 D. Menggalakkan kakitangan kerajaan khususnya guru Melayu menyertai gerakan antipenyerahan
54. Pernyataan berikut merujuk kepada peristiwa pembunuhan gabenor Sarawak

Pada 3 Disember 1949, Gabenor Sarawak kedua, Sir Duncan Stewart mengadakan lawatan rasmi ke Sibuan, Sebaik sahaja tiba, Rosli Dhobi telah menikamnya dengan menggunakan sebilah pisau

Apakah hukuman ke atas tindakan Rosli Dhobi?

- A. Penjara seumur hidup
 B. Dibuang negeri
 C. Perintah berkurung
 D. Gantung sampai mati
55. Jadual di bawah berkaitan dengan pertubuhan X di Sarawak.

X	
Tarikh Penubuhan	12 Jun 1959
Pengasas	i. Ong Kee Hui ii. Stephen Young
Matlamat	i. Mewujudkan perpaduan dan kesetiaan dalam kalangan rakyat Sarawak ii. Menyatupadukan kaum di Sarawak

Apakah X

- A. Parti Kebangsaan Sarawak
 B. Parti Bersatu Rakyat Sarawak
 C. Parti Negara Sarawak
 D. Persatuan China Sarawak
56. Tunku Abdul Rahman telah berusaha membebaskan negeri-negeri berikut daripada belenggu penjajah.

• Sarawak	• Singapura
• Sabah	• Brunei

Apakah tindakan yang telah diambil oleh Tunku Abdul Rahman?

- A. Mengadakan rundingan
 B. Parti politik telah ditubuhkan
 C. Menandatangani perjanjian pertahanan
 D. Sebuah Persekutuan Malaysia dibentuk

57. Antara berikut, yang manakah merupakan kesan daripada pembentukan Persekutuan Malaysia?
- A. Keharmonian tidak tercapai
B. Mewujudkan kestabilan politik
C. Perubahan parti-parti politik
D. Konfrontasi telah berlaku

58. Pernyataan berikut merujuk kepada penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.

Pada bulan Julai 1961, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) ditubuhkan

Apakah peranan jawatankuasa ini?

- A. Mengadakan rundingan dengan pemimpin wilayah-wilayah yang terbabit
B. Memulakan perundingan antara pemimpin dengan penduduk Tanah Melayu
C. Mengaturkan perundingan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu
D. Menetapkan agenda untuk setiap perjanjian
59. Rakyat Sabah dan Sarawak telah mengemukakan tuntutan 20 perkara di bawah dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan



Apakah perkara yang diabaikan dalam tuntutan tersebut?

- A. Malaysia menjadi nama Persekutuan
B. Peruntukan kerusi parlimen
C. Agama Islam adalah agama rasmi
D. Dasar pelajaran yang sedia ada dikekalkan
60. Apakah kesan peristiwa di bawah terhadap Malaysia?

Perkara	Keterangan
Gestapo 30 September	Percubaan rampasan kuasa oleh PKI di Indonesia

- A. Serangan nelayan di Selat Melaka
B. Konfrontasi semakin kendur
C. Putus hubungan Indonesia – Malaysia
D. Kerjasama ketenteraan diwujudkan

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2010

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1.	D	21.	C	41.	D
2.	C	22.	C	42.	A
3.	A	23.	C	43.	D
4.	A	24.	A	44.	C
5.	C	25.	A	45.	D
6.	B	26.	D	46.	D
7.	D	27.	D	47.	A
8.	D	28.	B	48.	A
9.	C	29.	D	49.	A
10.	B	30.	A	50.	C
11.	A	31.	A	51.	C
12.	B	32.	B	52.	D
13.	B	33.	C	53.	C
14.	B	34.	C	54.	D
15.	D	35.	A	55.	B
16.	A	36.	B	56.	D
17.	A	37.	D	57.	D
18.	D	38.	A	58.	A
19.	D	39.	A	59.	B
20.	D	40.	C	60.	B